

**THE INFLUENCE OF NEW MEDIA FREEDOM TOWARDS RELIGIOUS PRACTICES:
A PRELIMINARY REVIEW**

**PENGARUH KEBEBASAN MEDIA BAHARU TERHADAP PENGAMALAN AGAMA ISLAM:
SATU TINJAUAN AWAL**

Nazirah Abu Bakarⁱ & Muhamad Faisal Ashaariⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nazirah_ab@yahoo.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. faisal@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>In today's era of digital, new media has been increasingly the choice in obtaining transparent and true messages. With the freedom offered through this platform, users are free to access any information without any restrictions. This includes collecting and searching information with regard to religious knowledge. This study proposed that high dependency on new media may influence cognitive, emotion and behaviors of new media users. This is a quantitative study using sample of 30 respondents from the professional and support staff of the public government. The data is analyzed through SPSS version 22.0 using descriptive statistics. The results found that the new media does give significant impact on the emotional, cognitive and behavior of the respondents at moderate and good level. Furthermore, there is balance in the positive and negative influence of new media usage particularly on the practice of Islam. The implications from this study is that it provides significant contribution towards the efforts of religious institutions in Malaysia to improve the validity of the information and restrict the spread of false facts relating to Islam especially in social media.</i></p> <p>Keywords: <i>Media, Freedom, Influence, Religious, Practice.</i></p>
Abstrak	<p><i>Media baharu kini semakin menjadi tumpuan untuk mendapatkan mesej yang telus dan benar. Dengan kebebasan yang ditawarkan menerusi platform ini, pengguna bebas memilih untuk mengakses apa-apa maklumat tanpa sebarang sekatan. Kebebasan untuk mendapatkan maklumat termasuklah ilmu agama ini pada hakikatnya telah memberikan pengaruh kepada cara berfikir, emosi dan tindakan pengguna media baharu. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian awal ini dijalankan ke atas 30 orang responden daripada kalangan kakitangan awam profesional dan sokongan yang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Data-data dianalisis melalui program SPSS versi 22.0 yang menggunakan statistik deskriptif. Hasil tinjauan mendapati bahawa secara keseluruhannya media baharu memberi impak terhadap emosi, kognitif dan tingkah laku responden pada tahap sederhana dan baik. Terdapat keseimbangan dalam</i></p>

pengaruh positif dan negatif daripada penggunaan media baharu ini khususnya kesan terhadap pengamalan agama Islam. Implikasi dari kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan ke arah usaha institusi-institusi keagamaan di Malaysia untuk mempertingkatkan kesahihan maklumat dan menyekat penyebaran fakta-fakta palsu berkaitan Islam khususnya di media sosial.

Kata kunci: *Media, Kebebasan, Pengaruh, Agama, Pengamalan.*

PENDAHULUAN

Media baharu terbina atas tiga teras utama iaitu teknologi web 2.0 (Kaplan & Haenlein 2010), pengguna dan isi kandungan. Ia menawarkan medan interaktif kepada pengguna untuk saling berkongsi maklumat, berbahas, dan mengubahsuai sesuatu kandungan. Berdasarkan laporan statistik daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, jumlah pengguna internet termasuk media baharu semakin bertambah daripada hari ke hari. Namun penggunaan media baharu merupakan sesuatu yang sukar dikawal berikutan cabaran berkaitan kawalan akses kepada maklumat yang ditentukan oleh pengguna sendiri.

Perisian atas talian seperti *Facebook, Instagram, WhatsApp, WeChat, Twitter* dan termasuklah *Telegram* adalah media baharu yang kini menjadi tumpuan pengguna khususnya mereka yang memiliki akses Internet (Ahmad Zahirudin & Faisal @ Ahmad Faisal, 2014). Ia merupakan media yang sangat bebas dan terbuka untuk penyampaian dan penerimaan sebarang maklumat. Perkembangan media baharu yang pesat pada hari ini menunjukkan bahawa ia merupakan suatu medium yang cukup berpengaruh dan berupaya menjadi antara agen perubahan sesebuah negara. Walaupun ia mempunyai pelbagai manfaat, ia turut menatijahkan kesan negatif yang besar kepada masyarakat dan negara. Ini bermakna, kesan buruk dan baik daripada media baharu adalah bergantung kepada bagaimana ia digunakan kerana ia mempunyai sisi positif dan sebaliknya (Fazlinda Ab Halim & Mohammad Siraj Munir Muslaini, 2017).

Darsawarsa ini, media baharu dilihat lebih mendominasi berbanding dengan media tradisional seperti media cetak, media elektronik dan media komunikasi yang lain. Media baharu menawarkan pelbagai kemudahan yang tiada pada televisyen seperti teks, grafik, imej, audio, interaktif dan video. Jaringan media baharu yang cepat dan pantas iaitu menghimpunkan seluruh fungsi media yang lain seperti surat khabar, majalah, radio dan televisyen dalam satu masa. Realitinya masyarakat kini mulai digantikan dengan struktur masyarakat jaringan yang menyaksikan komunikasi bersemuka digantikan dengan komunikasi maya. Ruang siber kini menjadi tempat untuk orang ramai berkumpul dan membentuk kumpulan berdasarkan kepentingan dan minat masing-masing. Mereka memasuki ruang siber ini untuk pelbagai tujuan seperti mencari sahabat, hiburan, pendidikan, politik dan sebagainya (Siti Ezaleila & Azizah, 2011; Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddaffi, 2015).

Menurut Merill (1997) kebebasan tanpa batasan dalam berkomunikasi adalah sesuatu yang hampir mustahil dan sukar untuk diperolehi di mana-mana negara. Kebebasan berkomunikasi adalah faktor utama untuk menentukan sesuatu maklumat dapat disampaikan secara efektif, walaubagaimanapun, perlu ada undang-undang yang dilaksanakan untuk memelihara keselamatan dan kepentingan masyarakat awam (Aminudin Basir@Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa, 2009).

Media baharu memainkan peranan yang penting dalam pembinaan masyarakat. Dalam aspek ini media baharu bertindak sebagai agen sosialisasi masyarakat, ini kerana media baharu didapati menyumbang pelbagai impak dalam proses perubahan gaya hidup dalam segenap lapisan masyarakat. Media baharu juga dapat difahami sebagai wacana penyampaian maklumat dengan cara yang lebih moden dan terkini di mana ia melibatkan

perbincangan di alam maya yang lebih bersifat santai, mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat. Mereka ini bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara terang-terangan (Aminudin Basir et.al, 2009; Norazleen Mohd Nor et.al, 2011).

Dari satu sisi yang lain, menurut Wan Amizah & Muhammad Adnan (2017), walaupun penyampai maklumat bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara terang-terangan, namun media baharu perlu dikawal dengan tapisan maklumat oleh pihak tertentu dalam apa juga kaedah. Kawalan yang dimaksudkan ini adalah satu proses penapisan maklumat dan idea-idea yang diedarkan dalam kalangan masyarakat sebelum disebarkan ke laman sosial. Romlah Ramli (2016) menyatakan kebebasan dalam media baharu ini mendedahkan masyarakat kepada perubahan peradaban sosial islam yang dinilai melalui dua bentuk asas utama jaringan sosial iaitu visual dan penulisan. Keterbukaan pengguna menghilangkan privasi dengan cara memaparkan segala bentuk aktiviti, maklumat diri dan keluarga melalui gambar atau video dan perkongsian status di media baharu ini. Kebebasan ini jika tidak dikawal, dibimbangi akan meruntuhkan peradaban masyarakat Islam dan seharusnya dikawal oleh pihak yang berautoriti dengan dengan mengambil kira lima prinsip maqasid al-syar'iyah iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

Walaupun terdapat banyak kajian yang dilakukan untuk mengenalpasti implikasi media baharu, namun kajian sebegini dalam kalangan pembuat dasar di negara masih kurang dijalankan. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tujuan penggunaan media baharu dan pengaruhnya terhadap pengguna dari sudut cara berfikir, emosi dan tindakan.

MEDIA BAHARU DAN PENGAMALAN AGAMA

Pengamalan agama menurut kamus pelajar edisi kedua ialah perilaku atau perbuatan mengamalkan. Manakala agama bererti kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Maka secara generalnya pengamalan agama bererti amalan atau tingkah laku yang didasari oleh ajaran agama Islam khususnya (H.M Hafi Anshori, 1999). Media baharu boleh dianggap sebagai kuasa besar kerana keupayaannya dalam menyampaikan mesej merentasi sempadan masa dan jarak dengan kapasiti yang besar dan pantas. Medium ini menawarkan pelbagai bentuk maklumat baru seperti dialog dan perkongsian maklumat, blog, forum, rangkaian sosial, dan lain-lain perisian yang membolehkan pelbagai pilihan dilakukan. Justeru, tidak hairan jika media baharu ini telah dimanipulasikan sebagai medium dakwah oleh pelbagai agama khususnya agama Islam sendiri (Fadzli Adam et.al, 2015).

Dalam kepesatan media baharu ini, para pendakwah tidak terlepas daripada merasai tempias kemajuan ini. Masyarakat Muslim kini sedang berhadapan dengan perubahan era teknologi maklumat dan komunikasi yang rata-ratanya mempengaruhi pemikiran dan kehidupan harian mereka. Justeru, perkembangan dakwah juga harus bergerak seiring dengan perkembangan zaman supaya pendekatan kontemporari dapat diaplikasikan dalam kaedah berdakwah. Wujudnya kepelbagaian portal dan laman sesawang ilmiah dilihat sebagai saluran alternatif kepada masyarakat terutama dalam proses membendung penularan maklumat palsu yang bertujuan meruntuhkan budaya, cara hidup dan nilai-nilai agama umat Islam secara khusus. (Nur Aina Mohd Yaakop et.al, 2013)

Tidak dinafikan kuasa media baharu berupaya memberi impak yang besar kepada penyebaran dakwah islamiyyah namun dalam masa yang sama turut berleluasa penyebaran ideologi sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Media ini telah berjaya mewujudkan satu aliran yang membolehkan manusia berinteraksi di antara satu sama lain tanpa batasan dan ia menjadi semakin signifikan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Impak jelas daripada penggunaan media baharu ini adalah dengan kebebasan bersuara dan mengekspresikan pandangan serta pendapat masing-masing tanpa mengendahkan nilai-nilai moral dan akhlak (Norazleen Mohd Nor et.al, 2011).

Masyarakat Melayu yang mendominasi populasi penduduk di negara ini terkenal dengan sistem nilai yang tinggi seperti sikap penampilan diri yang sederhana dan lemah lembut. Nilai murni yang menjadi teras kepada kehidupan masyarakat Melayu ini adalah dilatari oleh nilai akhlak ajaran Islam. Nilai murni yang digandingkan oleh ajaran Islam inilah yang membentuk perwatakan mulia dan jati diri orang Melayu sejak zaman dahulu lagi. Perubahan yang dialami di peringkat global seperti kemunculan media baharu turut mempengaruhi kepada corak kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang masih mengamalkan cara kehidupan seperti bersikap jujur, bertanggungjawab, menghormati dan berkongsi sama rata. Masyarakat Melayu yang mendiami di kawasan kampung turut juga menerima tempas sama daripada perubahan teknologi itu. Masyarakat Melayu mula secara perlahan meninggalkan dan tidak mengamalkan beberapa sistem nilai dalam kehidupan mereka (Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddaffi, 2015).

Perkembangan teknologi media baharu ini juga telah menjadi satu cabaran kepada sistem nilai khususnya agama Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Nilai moden yang mudah diperolehi daripada media baharu ini dilihat boleh mengancam sistem nilai masyarakat Melayu yang diamalkan diwarisi sejak kanak-kanak lagi (Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddaffi, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian rintis yang dibuat ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang hendak digunakan. Di samping itu, kajian rintis ini juga adalah untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti. Analisis daripada kajian dibuat dengan menggunakan ujian reliability pada program *Statistical Package for The Social Sciences (SPSS)* versi 22.0.

Kebolehpercayaan item-item ditunjukkan oleh nilai *cronbach's alpha* 0 hingga 1.0. Makin besar nilai pekali sesuatu item, maka semakin tinggi darjah kebolehpercayaan item tersebut. Pekali kebolehpercayaan *cronbach's alpha* pada keseluruhan 24 item ini ialah 0.905. Setelah kajian rintis dijalankan, penyelidik membuat beberapa perubahan dari sudut bahasa yang digunakan agar pelajar lebih mudah memahami soalan untuk kajian yang sebenar kelak.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Cronbach Alpha Untuk Keseluruhan Item

Pembolehubah	Nilai Cronbach Alpha
Emosi	0.619
Kognitif	0.865
Sikap dan Tingkah laku	0.946
Keseluruhan Item	0.905

Sumber: Soal selidik 2018

Jadual 3: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Nilai Cronbach Alpha	Indikator kebolehpercayaan
>0.80	Baik
0.80 - 0.60	Boleh diterima
< 0.60	Tidak boleh diterima

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Sekaran (2000)

Jadual 1 menunjukkan darjah kebolehpercayaan yang diperolehi daripada setiap konstruk instrumen berkaitan kebebasan media baharu dalam mempengaruhi keutuhan agama Islam dan tradisi Melayu hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan. Dapatan

ujian rintis ini mendapati bahawa setiap aspek instrumen mempunyai nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.8. Oleh itu, berdasarkan nilai yang diperolehi bagi setiap aspek instrumen dalam kajian rintis adalah melebihi 0.8, maka jelaslah bahawa soal selidik ini berada pada tahap yang baik dan boleh diguna pakai untuk kajian ini.

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik berbentuk tertutup berskala Likert. Mengandungi lima skala iaitu 5, sangat setuju, 4, setuju, 3, kurang setuju, 2, tidak setuju dan 1, sangat tidak setuju. Borang soal selidik ini diedarkan kepada 30 orang Kakitangan Pengurusan Profesional dan Kakitangan Sokongan yang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian ini. Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Program Pengisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 22.0. Data dianalisis dengan mengambil kira kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Sementara itu, nilai interpretasi min adalah seperti berikut:

Nilai Min	Interpretasi min
1.00 – 1.80	Sangat lemah
1.81 – 2.60	Lemah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Baik
4.21 – 5.00	Sangat baik

Sumber: Dipetik dari Lukman Hakimi Ahmad (2014)

PERBINCANGAN

Berdasarkan keseluruhan item B menunjukkan bahawa pengaruh media baharu memberikan kesan ke atas emosi responden pada tahap sederhana. Manakala keseluruhan item C dan D iaitu kesan pengaruh media baharu ke atas kognitif dan tingkah laku pada tahap yang baik. Bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Musa Abu Hasan (2008) mendapati bahawa media baharu memberi kesan terhadap perubahan belia melibatkan tiga aspek utama iaitu emosi, kognitif dan psikomotor.

Jadual 4: Nilai Min dan Interpretasi Pengaruh Media Baharu Terhadap Emosi

ITEM B	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju	Nilai min	Interpretasi
1. Saya seronok apabila menggunakan media baharu	1	9	10		10	4.09	Baik
2. Saya selalu leka apabila menggunakan media baharu	6	8	12	3	1	3.29	Sederhana
3. Saya menjadikan media baharu sebagai ruang untuk meluahkan perasan	16	9	3	1	1	2.27	Lemah
4. Saya selesa berinteraksi dengan rakan-rakan melalui media baharu		4	9	10	7	3.84	Baik

5. Saya merasakan media baru mengganggu tugas harian	6	9	10	3	2	3.11	Sederhana
6. Saya pernah merasa sakit hati apabila membaca status dan perkongsian orang di media baru	2	7	10	9	2	3.44	Baik
7. Saya merasa tertekan apabila menggunakan media baru	11	9	10			2.57	Sederhana
8. Saya akan melayari media baru apabila kesunyian	3	6	11	8	2	3.57	Baik
Jumlah						3.27	Sederhana

Sumber: Soal Selidik 2018

Dapatan kajian mendapati bahawa setiap nilai min pengaruh media baru ke atas emosi responden bagi setiap item berada pada tahap baik dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 1 (Saya seronok apabila menggunakan media baru) iaitu dengan nilai min = 4.09 dan item 4 (Saya selesa berinteraksi dengan rakan-rakan melalui media baru) iaitu dengan nilai min = 3.84. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian oleh Siti Ezaleila & Azizah 2011, bahawa masyarakat kini mulai digantikan dengan struktur masyarakat jaringan yang menyaksikan komunikasi bersemuka digantikan dan dengan komunikasi maya. Ruang siber kini menjadi tempat untuk orang ramai berkumpul dan membentuk kumpulan berdasarkan kepentingan dan minat masing-masing. Mereka memasuki ruang siber ini untuk pelbagai tujuan seperti mencari sahabat, hiburan, pendidikan, politik dan sebagainya.

Media baru adalah dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional, perisian atas talian seperti *Facebook, WhatsApp, WeChat, Twitter* dan terbaru *Telegram* adalah media baru yang kini menjadi tumpuan pengguna khususnya mereka yang memiliki akses internet (Ahmad Zahirudin & Faisal @ Ahmad Faisal 2014). Perbincangan di alam maya yang bersifat lebih santai, mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara terang-terangan (Aminudin Basir et.al, 2009; Norazleen Mohd Nor et.al, 2011).

Nilai min paling rendah pula pada item 3 (Saya menjadikan media baru sebagai ruang untuk meluahkan perasaan) iaitu dengan nilai min = 2.27 dan item 7 (Saya merasa tertekan apabila menggunakan media baru) iaitu dengan nilai min = 2.57. Ini menunjukkan bahawa pengguna media sosial tidak menjadikan laman sosial sebagai tempat untuk meluahkan perasaan sebaliknya bertumpu kepada tujuan-tujuan penggunaan seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Jadual 5: Nilai Min dan Interpretasi Pengaruh Media Baru Terhadap Kognitif

ITEM C	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju	Nilai min	Interpretasi
--------	---------------------	--------------	---------------	--------	---------------	-----------	--------------

1. Kefahaman agama Islam saya meningkat menggunakan bahan di media baharu	2	3	8	13	4	3.96	Baik
2. Saya membaca informasi berkaitan agama Islam di media baharu			6	18	6	4.14	Baik
3. Saya percaya pada maklumat berkaitan agama Islam yang saya perolehi di media baharu	2	5	15	5	3	3.45	Baik
4. Saya menonton kuliah agama di media baharu	1	1	6	14	8	4.16	Baik
5. Saya berkongsi maklumat berkaitan agama Islam di media baharu	1	1	5	15	8	3.99	Baik
6. Saya merujuk berkaitan hukum hakam agama Islam di media baharu	4	2	11	11	2	3.59	Baik
7. Saya selesa bertanya soalan berkaitan agama Islam di media baharu	5	5	7	8	5	3.44	Baik
Jumlah						3.82	Baik

Sumber: Soal Selidik 2018

Dapatan kajian mendapati bahawa setiap nilai min pengaruh media baharu ke atas kognitif responden bagi setiap item berada pada tahap baik. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 4 (Saya menonton kuliah agama di media baharu) iaitu dengan nilai min = 4.16 dan pada item 2 (Saya membaca informasi berkaitan agama Islam di media baharu) iaitu dengan nilai min = 4.14. Ini menunjukkan bahawa media baharu memberikan pengaruh positif kepada kognitif responden khususnya yang melibatkan isu pengamalan agama Islam. Ini bertepatan dengan kajian oleh Nur Aina Mohd. Yaakop et.al (2013) bahawa teknologi media baharu ini adalah ruang paling ideal dalam menyebarkan dakwah Islam. Ini kerana media baharu sudah tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan golongan remaja.

Internet juga dilihat lebih relevan dengan konteks dakwah semasa. Internet adalah media baharu yang tidak dapat dinafikan menjadi alat untuk menyampaikan maklumat dan pemikiran kepada masyarakat (Fadzli Adam et.al, 2015). Ia juga turut disokong hasil kajian oleh Muhamad Faisal Ashaari et.al (2017) bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka banyak mencari maklumat berkaitan isu Syiah dan Murtad menggunakan Internet sebagai sumber maklumat utama berbanding mencari maklumat dalam buku.

Seterusnya nilai min paling rendah pula pada item (Saya selesa bertanya soalan berkaitan agama Islam di media baharu) iaitu dengan nilai min = 3.44. Ini bermaksud, responden juga menggunakan pendekatan berhati-hati dalam bertanyakan persoalan agama di media sosial. Ini mungkin disebabkan pengetahuan mereka bahawa setiap yang berkaitan

dengan agama Islam perlu dirujuk kepada pihak yang lebih berautoriti dalam kalangan ulamak dan ilmuwan Islam.

Walaupun sumbangan internet dilihat relevan dengan konteks dakwah semasa, namun menurut Fadzli Adam et.al (2015) persoalan berkaitan media yang berfungsi sebagai medium penyebaran dakwah ini perlu dibincangkan secara lebih terperinci. Agama berkait rapat dengan kepercayaan dan pokok utamanya ialah masalah kepercayaan serta keyakinan diri terhadap Allah SWT. Dalam konteks ini juga, Islam menganjurkan sikap perlu berhati-hati dan menilai sesuatu mesej atau maklumat dengan cermat kerana bimbang akan membawa pengaruh yang buruk kepada penerima mesej, tambahan pula dalam konteks dunia globalisasi di mana secara amnya media baharu lebih didominasi oleh musuh Islam yang mempunyai pelbagai prejudis khusus terhadap Islam. (Aminudin Basir et.al, 2009).

Jadual 6: Nilai Min dan Interpretasi Pengaruh Media Baharu Terhadap Sikap dan Tingkah Laku

ITEM D	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju	Nilai min	Interpretasi
1. Perkongsian ilmu, poster dan video dakwah di media baharu menyentuh hati saya untuk meningkatkan ibadah kepada Allah	1	1	5	13	10	4.17	Baik
2. Perkongsian ilmu, poster dan video dakwah di Media baharu mendorong saya untuk bersolat di masjid	1	3	8	8	10	3.90	Baik
3. Perkongsian ilmu, poster dan video dakwah Media baharu menaikkan semangat saya untuk membaca dan memahami isi al-Quran	1	1	5	12	11	4.11	Baik
4. Video dan audio dakwah di media baharu mendorong saya untuk mengikuti kuliah-kuliah agama		2	6	12	10	4.21	Sangat baik
5. Lambakan maklumat di media baharu mendorong saya untuk bertanya kepada yang pakar berkenaan dengan hukum hakam agama		1	4	14	11	4.24	Sangat baik

6. Perkongsian viral di media baharu memotivasikan diri saya supaya menjadi contoh kepada orang lain	1	2	9	10	8	3.87	Baik
7. Hasil daripada terbinanya hubungan di media baharu mendorong saya untuk menjaga hubungan yang baik dalam kalangan ahli keluarga dan saudara mara		2	9	9	10	4.17	Baik
8. Berita yang diperolehi di media baharu mendorong saya untuk menziarahi rakan dan saudara mara yang sakit			7	15	8	4.19	Baik
9. Makluman menerusi media baharu mendorong saya menghadiri majlis perkahwinan dan saudara mara		3	9	9	9	4.08	Baik
Jumlah						4.10	Baik

Sumber: Soal Selidik 2018

Dapatan kajian mendapati bahawa setiap nilai min pengaruh media baharu ke atas tingkah laku responden bagi setiap item berada pada tahap baik dan sangat baik. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 5 (Lambakan maklumat di media baharu mendorong saya untuk bertanya kepada yang pakar berkenaan dengan hukum hakam agama) iaitu dengan nilai min = 4.24 dan kemudian pada item 4 (Video dan audio dakwah di media baharu mendorong saya untuk mengikuti kuliah – kuliah agama) iaitu dengan nilai min 4.21. Ini menunjukkan bahawa pengaruh media ini dalam isu berkaitan pengamalan agama adalah sangat memberikan kesan positif ke atas tingkah laku mereka. Media baharu berjaya menarik responden untuk bersikap dan memberikan respon baik ke atas maklumat-maklumat agama Islam yang mereka perolehi dari media baharu.

Secara keseluruhannya, responden dilihat dapat mengambil manfaat ke atas penggunaan media baharu dan menjadikan media baharu ruang untuk mengembangkan ilmu berkaitan agama Islam. Ini sepertimana kajian yang dijalankan oleh Wan Norina Wan Hamat et.al (2014) ke atas 397 orang pelajar semester akhir peringkat diploma daripada 10 buah politeknik Malaysia. Kajian menunjukkan media massa banyak memberi pengaruh positif kepada pelajar dan mereka masih lagi dapat memilih antara yang berfaedah mahupun sebaliknya.

PENUTUP

Berdasarkan penelitian dapatan soal selidik ini, dapatlah disimpulkan bahawa berdasarkan dapatan awal kajian yang hanya melibatkan 30 orang responden daripada kalangan kakitangan profesional dan sokongan dipilih secara rawak mudah ini secara keseluruhannya, media baharu memberikan pengaruh yang besar ke atas masyarakat khususnya golongan muda berumur dibawah 40 tahun.

Pengaruh ini melibatkan tiga aspek penting iaitu emosi, kognitif dan psikomotor dan amat membimbangkan apabila impak media baharu ini memberi kesan kepada penyebaran dan penerimaan maklumat berkaitan agama Islam. Ia dilihat berupaya mencetuskan kesedaran terhadap pengamalan beragama dalam masyarakat namun dalam masa yang sama ia juga berupaya mencetuskan kekeliruan dalam proses penerimaan maklumat.

Dalam konteks ini, ajaran Islam menganjurkan sikap perlu berhati-hati dan menilai sesuatu mesej atau maklumat dengan cermat, bahkan sebagai penyebar maklumat, seseorang itu hendaklah mematuhi nilai dan adab ilmu yang digariskan oleh Al-Quran dan al-Sunnah SAW. Artikel ini diharap memberikan sedikit panduan kepada para pengguna media baharu khususnya dalam penerimaan dan penyebaran ilmu berkaitan isu Agama Islam. Media baharu tidak dinafikan merupakan medan paling efektif dalam penyebaran ilmu, namun umat Islam khususnya perlu lebih berhati-hati dan menggunakan media baharu sebagai salah satu platform dakwah.

RUJUKAN

- Al-Quran. Sayyid Qutb. T.th. *Tafsīr Fī Zilālil Quran. Tafsir Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Terj: Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob. 2010. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ahmad Zahirudin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2014. *Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah*. Jurnal Al-Hikmah 6(2), 2014: 78-90.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa. 2009. *Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Hadhari Bil. 2 (2009) 65-82.
- Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar & Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. 2015. *Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 9 Januari 2015.
- Isama-Ae Bin Madiyah. 2011. *Kecenderungan Remaja Islam Terhadap Program Dakwah di Masjid Bandar Puncak Alam Kuala Selangor, Selangor*. Tesis Sarjana Muda. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Jamilah Mohd Noor. 2014. *Keberkesanan Pendidikan Akhlak Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seremban Negeri Sembilan*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah. 2015. *Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia*. Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication, Jilid 31(2) 2015: 33-46.
- Musa Abu Hasan. 2008. *Memfaatkan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi ICT Untuk Semua*. Siri Syarahan Inaugural. Dewan Persidangan Pusat Pendidikan Luar Universiti Putra Malaysia. 15 Ogos 2008. Penerbit Universiti Putra Malaysia: Serdang.
- Norazleen Mohd Nor, Edwin Michael, Afi Roshezry Abu Bakar, Ira Meilita Ibrahim & Mohd Azmir Mohd Nizah. 2011. *Media Baru Dan Demokrasi Di Malaysia: Ke Arah Perpaduan Nasional*. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Kuala Lumpur. 14-16 Disember 2011.
- Nur Aina Mohd. Yaakop, Nor Fatin Halim, Mohd Shauqi Musa & Md Rozalafri Johori. 2013. *Tekno-Daie: Peranan & Cabaran Daie Di Alam Maya*. Bicara Dakwah kali ke-14. 8hb Oktober 2013. Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM dengan

- Kerjasama Kumpulan Penyelidikan Dakwah, Kerohanian, dan Pembangunan Islam & Kelab Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2011. *Media Baharu Yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna Di Malaysia*. Jurnal Pengajian Media Malaysia Malaysian Journal Of Media Studies, Vol. 13, No. 2, 2011: 93–110.
- Totok Wahyu Abadi, Fandrian Sukmawan & Dian Asha Utari. 2013. *Media Sosial Dan Pengembangan Hubungan Interpersonal Remaja Di Sidoarjo*. Jurnal KANAL, Vol. 2, No. 1, September 2013. Hlmn 95-106
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. *Media Baharu Dan Institusi Raja Di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-Raja Di Media Sosial*. Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 33(1)2017: 406-422.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. 2013. *Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia*. Jurnal O-jIE (The Online Journal of Islamic Education), Januari 2013, Vol 1, Issue 1.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.